Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, Vol.14 (2), 64 - 86, 2026
Budiman Writers Association of Malaysia (BUDIMAN)
ISBN:2637-126X

Impak Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Dalam Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban Terhadap Kompetensi dan Nilai Mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan

The Impact of Experiential-Based Learning on Universiti Malaysia Kelantan Students' Competencies and Values through the Course of Penghayatan Etika dan Peradaban

Tuan Rusmawati Raja Hassan
rusmawati.rh@umk.edu.my

*Zuriati Mohd Rashid**
zuriati.mr@umk.edu.my

Siti Fathihah Abd. Latif
fathihah.al@umk.edu.my

Shahriman Abu Bakar
shahriman@umk.edu.my

Fakuti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan,
Universiti Malaysia Kelantan

**Corresponding author.*

Received:22 September 2026; Published: 23 November 2026

Cite this article (APA) as:

Raja Hassan, T. R., Mohd Rashid, Z., Abd. Latif , S. F., & Abu Bakar , S. (2026). Impak Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Dalam Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban Terhadap Kompetensi dan Nilai Mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 14(2), 64 - 86. Retrieved from https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/226

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis impak Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBP) dalam Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (USK10202) terhadap pembentukan kompetensi dan nilai mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Justeru, Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman yang berteraskan Teori Pembelajaran Kolb (1984) dilihat sebagai satu mekanisme penting dalam memperkukuh pembangunan modal insan yang holistik. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan refleksi terbuka (open-ended responses) dengan instrumen soal selidik diedarkan kepada 589 orang mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan yang telah mengikuti aktiviti pembelajaran berasaskan pengalaman sewaktu mengerjakan tugasan berkumpulan iaitu penulisan e-portfolio dan pembikinan video. Mahasiswa didapati menempuh beberapa proses pembelajaran iaitu pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptual abstrak dan eksperimen aktif. Dapatan menunjukkan bahawa 80.6% responden mengakui pengalaman pembelajaran tersebut berjaya mengubah persepsi dan prasangka awal mereka terhadap masyarakat, budaya dan isu sosial, manakala 95.6% menyatakan pengalaman tersebut meningkatkan keyakinan diri untuk

ISBN:2637-126X

menyumbang secara aktif kepada masyarakat. Analisis tema turut menunjukkan bahawa PBP berjaya meningkatkan kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, pengurusan masa, penyelesaian masalah dan kemahiran digital. Dari aspek nilai, mahasiswa menunjukkan peningkatan dalam integriti, empati, tanggungjawab sosial, hormat-menghormati dan kesedaran terhadap kepentingan warisan budaya. Kajian ini membuktikan bahawa PBP merupakan pendekatan pedagogi yang berkesan dalam menghubungkan teori dengan realiti kehidupan serta menyokong pembangunan mahasiswa yang kompeten, beretika dan berdaya saing. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini wajar diperkasakan dalam pelaksanaan kurikulum pendidikan tinggi bagi menyokong agenda pembangunan modal insan negara.
Kata kunci: Pembelajaran Berasaskan Pengalaman, Teori Pembelajaran Kolb, kompetensi mahasiswa, nilai etika, pendidikan tinggi.

ABSTRACT

This study aims to analyse the impact of Experiential Based Learning in the Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (USK10202) on the development of competencies and values among students of Universiti Malaysia Kelantan (UMK). In this regard, the Experiential Learning approach, which is grounded in Kolb's Experiential Learning Theory (1984), is regarded as an important mechanism for strengthening holistic human capital development. This study employed a qualitative research approach using open-ended responses collected through questionnaires distributed to 589 Universiti Malaysia Kelantan students who had participated in experiential learning activities through group assignments, namely e-portfolio writing and video production. Students underwent several stages of learning, comprising concrete experience, reflective observation, abstract conceptualisation and active experimentation.The findings revealed that 80.6% of respondents acknowledged that the learning experiences had successfully changed their initial perceptions and prejudices towards society, culture and social issues, while 95.6% reported that these experiences had enhanced their self-confidence to contribute actively to society. Thematic analysis further indicated that Experiential Learning had successfully enhanced students' communication skills, teamwork, time management, problem-solving abilities and digital skills.In terms of values, students demonstrated improvements in integrity, empathy, social responsibility, mutual respect and awareness of the importance of cultural heritage. This study demonstrates that Experiential Learning is an effective pedagogical approach for bridging the gap between theoretical knowledge and real-life experiences, while supporting the development of competent, ethical and competitive graduates. The implications of this study suggest that this approach should be further strengthened in the implementation of higher education curricula to support the national human capital development agenda.
Keywords: Experiential Learning, Kolb's Experiential Learning Theory, student competencies, ethical values, higher education

PENGENALAN

Isu kebolehpasaran graduan terus menjadi perhatian dalam landskap pendidikan tinggi Malaysia, khususnya apabila majikan semakin menuntut tenaga kerja yang bukan sahaja cemerlang dari aspek akademik, malah memiliki kemahiran insaniah, daya kepimpinan, pemikiran kritis serta nilai etika yang tinggi (Ying dan Ling, 2023). Kajian menunjukkan bahawa sebahagian graduan masih berdepan kesukaran menempatkan diri dalam pasaran

ISBN:2637-126X

pekerjaan kerana kurang berupaya mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh sepanjang pengajian ke dalam situasi pekerjaan sebenar (Hussain Othman et al., 2018). Keadaan ini menunjukkan bahawa pencapaian akademik semata-mata tidak lagi mencukupi untuk memenuhi keperluan industri yang semakin kompleks dan dinamik (Md Fauzi Ahmad dan Abdul Talib Bon, 2024).

Cabaran tersebut menjadi lebih ketara dalam era Revolusi Perindustrian 4.0, transformasi digital dan perkembangan kecerdasan buatan (AI) yang menuntut graduan memiliki keupayaan menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi serta persekitaran kerja yang sentiasa berkembang (Nur Sheilla Saida Abdullah & Zuber Abd. Majid, 2022). Sehubungan itu, institusi pengajian tinggi perlu menyediakan pengalaman pembelajaran yang mampu mengintegrasikan aspek kognitif, psikomotor dan afektif secara seimbang bagi melahirkan graduan yang kompeten, berdaya saing dan berintegriti (Zuber dan Hussin Muhammad, 2015). Dalam konteks ini, pendekatan pengajaran konvensional yang terlalu berorientasikan teori dilihat kurang mencukupi untuk membentuk kompetensi yang diperlukan dalam dunia sebenar (Alwi et al, 2020).

Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBP) atau *Experiential Learning* semakin mendapat perhatian sebagai pendekatan pedagogi yang mampu menghubungkan teori dengan amalan melalui penglibatan aktif pelajar dalam situasi autentik. Berasaskan gagasan John Dewey (1938) dan diperkukuhkan melalui Teori Pembelajaran Pengalaman Kolb (1984), PBP menekankan proses pembelajaran melalui pengalaman langsung, refleksi, pembentukan konsep dan aplikasi pengetahuan. Pendekatan ini terbukti berupaya meningkatkan kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, penyelesaian masalah, kepimpinan serta keyakinan diri pelajar (Almulla, 2020). Selain itu, penglibatan dalam aktiviti komuniti dan pembelajaran autentik turut menyumbang kepada pembentukan nilai empati, tanggungjawab sosial dan kesedaran etika yang diperlukan dalam kehidupan bermasyarakat (Elfis Suanto, Effandi Zakaria & Siti Mistima Maat, 2019).

Hakikatnya, PBP bukanlah suatu konsep baharu dalam bidang pendidikan. Tokoh pendidikan progresif, John Dewey (1938), menegaskan bahawa pembelajaran yang berkesan berlaku melalui pengalaman langsung atau konsep *learning by doing*. Pendekatan ini menekankan bahawa ilmu yang diperoleh melalui penglibatan aktif dalam sesuatu aktiviti akan memberikan kefahaman yang lebih mendalam berbanding pembelajaran secara teori semata-mata. Pandangan tersebut diperkukuhkan oleh Hoover (1974) yang mendefinisikan PBP sebagai suatu proses pembelajaran yang melibatkan refleksi terhadap pengalaman yang dilalui sehingga menghasilkan pemahaman dan pengetahuan baharu. Sementara itu, Elfis Suanto, Effandi Zakaria dan Siti Mistima Maat (2019) menjelaskan bahawa PBP merupakan pendekatan pembelajaran secara induktif yang berpusatkan pelajar, berorientasikan aktiviti serta menggalakkan proses refleksi terhadap pengalaman sebelum diaplikasikan dalam konteks pembelajaran yang lain. Berdasarkan pelbagai definisi yang dikemukakan, jelas bahawa PBP berupaya memperkukuh aspek kognitif, psikomotor dan afektif secara serentak, sekali gus menyumbang kepada pembentukan modal insan yang holistik.

Kelebihan utama PBP dapat dilihat melalui kemampuannya menghubungkan pengalaman sebenar dengan proses pembelajaran akademik. Melalui pendekatan ini, mahasiswa berpeluang mengalami sendiri situasi pembelajaran yang autentik, sekali gus membolehkan mereka memahami aplikasi ilmu dalam konteks kehidupan dan pekerjaan sebenar. Menurut Almulla (2020), penglibatan secara langsung dalam aktiviti yang dirancang melalui PBP membantu mahasiswa memahami kandungan pembelajaran dengan lebih berkesan kerana mereka terlibat secara aktif dalam proses pembinaan pengetahuan. Selain itu, Nor Khayati et al. (2017) menyatakan bahawa PBP mampu merangsang pembentukan kefahaman kendiri yang seterusnya meningkatkan minat dan motivasi terhadap pembelajaran.

ISBN:2637-126X

Di samping itu, pendekatan ini turut memberi peluang kepada mahasiswa untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, minat dan potensi diri melalui proses refleksi serta penilaian kendiri. Agudelo dan Vasco (2019) menegaskan bahawa pengalaman pembelajaran yang autentik membolehkan pelajar melakukan penambahbaikan secara berterusan terhadap diri mereka. Dalam pendidikan era revolusi 4.0 ini pula, pendekatan PBP juga melalui proses adaptasi. Penggunaan teknologi dalam PBT mampu meningkatkan meningkatkan kesiapsiagaan kerjaya pelajar. Oleh yang demikian, Pembelajaran Berasaskan Pengalaman merupakan pendekatan yang amat relevan untuk diaplikasikan dalam pendidikan tinggi kerana bukan sahaja dapat meningkatkan pencapaian akademik, malah berupaya membentuk kompetensi, nilai dan sahsiah yang diperlukan oleh graduan bagi menghadapi cabaran dunia pekerjaan serta kehidupan bermasyarakat pada masa hadapan.

Kepentingan PBP turut diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Tinggi menerusi kerangka *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape* (EXCEL) yang menekankan pembelajaran berasaskan industri, komuniti, penyelidikan dan pengalaman kendiri. Pendekatan ini selari dengan aspirasi Malaysia MADANI dan pelaksanaan *Service Learning Malaysia–University for Society* (SULAM) yang menekankan pembangunan mahasiswa secara holistik melalui penglibatan aktif dalam masyarakat. Melalui pengalaman pembelajaran yang autentik, mahasiswa berpeluang menghayati nilai kemanusiaan, integriti dan kesedaran sivik secara lebih bermakna berbanding pembelajaran yang hanya berlaku dalam bilik kuliah.

Sebagai sebuah universiti yang mengangkat pembelajaran berasaskan pengalaman sebagai salah satu teras pendidikan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menyediakan pelbagai platform seperti program komuniti, keusahawanan, latihan industri dan aktiviti SULAM bagi memperkukuh pembangunan kompetensi mahasiswa. Walau bagaimanapun, kajian empirikal yang meneliti secara khusus keberkesanan pendekatan ini dalam Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (USK10202) masih terhad, khususnya dalam aspek pembentukan kompetensi dan nilai mahasiswa. Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dikategorikan sebagai kursus umum universiti yang wajib diambil oleh setiap pelajar peringakat pengajian tertiari. Kursus ini dibangunkan bertujuan dalam membina pembangunan modal insan dan kemahiran insaniah pelajar tanpa mengira latar belakang program pengajian. Dalam mencapai matlamat tersebut, pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman yang berteraskan Teori Pembelajaran Kolb (1984) dilihat sebagai satu mekanisme penting dalam memperkukuh pembangunan modal insan yang holistik. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti impak Pembelajaran Berasaskan Pengalaman terhadap pembangunan kompetensi serta penghayatan nilai etika dan tanggungjawab sosial dalam kalangan mahasiswa UMK. Dapatan kajian diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan amalan pedagogi universiti dan memperkukuh agenda pembangunan modal insan yang holistik, berdaya saing dan berteraskan nilai.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pendidikan tinggi masa kini berdepan cabaran untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja menguasai ilmu pengetahuan, malah memiliki kompetensi insaniah, kemahiran praktikal dan nilai etika yang tinggi. Walaupun pelbagai pendekatan pembelajaran aktif telah diperkenalkan, isu berkaitan kebolehpasaran graduan, kelemahan kemahiran komunikasi, kepimpinan, pemikiran kritis dan penghayatan nilai masih terus dibangkitkan oleh pihak industri serta masyarakat. Keadaan ini menuntut institusi pengajian tinggi untuk menilai semula keberkesanan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dalam membentuk modal insan yang holistik.

ISBN:2637-126X

Seiring dengan aspirasi tersebut, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengintegrasikan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBP) dalam pelbagai kursus termasuk Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (USK10202). Pelaksanaan pendekatan ini melibatkan aktiviti lapangan, interaksi bersama komuniti, dokumentasi digital dan tugasan berasaskan projek yang bertujuan menghubungkan teori dengan pengalaman sebenar. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum terdapat bukti empirikal yang komprehensif yang menilai sejauh mana pengalaman pembelajaran tersebut benar-benar menyumbang kepada pembentukan kompetensi dan nilai mahasiswa UMK.

Kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada perbincangan konsep Pembelajaran Berasaskan Pengalaman, pelaksanaan program komuniti atau keberkesanan pendekatan tersebut dalam konteks yang berbeza. Namun, kajian yang meneliti pengalaman sebenar mahasiswa melalui pelaksanaan pentaksiran berterusan Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban serta hubungannya dengan pembentukan kompetensi dan nilai masih terhad. Keadaan ini mewujudkan jurang pengetahuan tentang keberkesanan pelaksanaan PBP dalam mencapai hasil pembelajaran kursus yang disasarkan, khususnya dari aspek kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, pengurusan masa, kemahiran digital, keyakinan diri, tanggungjawab sosial dan penghayatan nilai etika.

Kajian lepas menunjukkan pembelajaran berasaskan pengalaman dan teknologi digital mampu meningkatkan kemahiran serta kesiapsiagaan pelajar (Sh Said & Mohd Yussof, 2023). Namun, kajian berkaitan kursus wajib universiti di Malaysia lebih tertumpu terhadap pembangunan kemahiran insaniah, nilai etika dan profesional, kebolehpasaran graduan dan pencapaian hasil pembelajaran mahasiswa. Tambahan pula, kajian yang menggabungkan pendekatan pengajaran seperti pembelajaran berasaskan pengalaman dengan teknologi digital secara menyeluruh dalam konteks kursus wajib universiti di Malaysia masih terhad. Seiring dengan keberkesanan strategi pedagogi yang digabungkan dengan penggunaan digital, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan model pedagogi kursus wajib universiti yang lebih relevan dengan keperluan pendidikan tinggi dan dunia digital semasa. Selain itu, pelaksanaan PBP dalam kursus ini melibatkan penyertaan mahasiswa daripada pelbagai fakulti dan latar disiplin, namun pengalaman pembelajaran yang dilalui serta impaknya terhadap pembangunan diri mahasiswa belum pernah didokumentasikan secara sistematik berdasarkan kerangka Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb (1984). Ketiadaan data empirikal tersebut menyukarkan pihak universiti untuk menentukan sama ada pendekatan yang dilaksanakan benar-benar berkesan dalam membentuk kompetensi dan nilai yang dihasratkan oleh kurikulum pendidikan tinggi.

Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang tersebut dengan meneliti impak Pembelajaran Berasaskan Pengalaman terhadap pembentukan kompetensi dan nilai mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan melalui pelaksanaan Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Kajian ini penting untuk menyediakan bukti empirikal tentang keberkesanan pendekatan yang dilaksanakan serta menjadi asas kepada penambahbaikan amalan pedagogi dan pentaksiran berterusan di UMK.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut;

i. Mengenal pasti impak Pembelajaran Berasaskan Pengalaman terhadap pembangunan kompetensi mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan.
ii. Membincangkan peranan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman dalam membentuk nilai etika, tanggungjawab sosial dan peradaban mahasiswa.

ISBN:2637-126X

iii. Menganalisis persepsi mahasiswa terhadap keberkesanan aktiviti lapangan dan dokumentasi pengalaman sebagai medium pembelajaran autentik.

MODEL PEMBELAJARAN KOLB (1984)

Pembelajaran Berasaskan Pengalaman berasaskan teori yang diperkenalkan oleh David A. Kolb melalui Teori Pembelajaran Pengalaman (*Experiential Learning Theory*). Menurut Kolb, pembelajaran berlaku melalui proses kitaran yang melibatkan pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptualisasi abstrak dan eksperimen aktif. Melalui proses ini, pelajar bukan sahaja memperoleh pengetahuan baharu, malah mampu membina kefahaman yang lebih mendalam hasil daripada pengalaman yang dilalui dan refleksi yang dilakukan terhadap pengalaman tersebut. Pendekatan ini memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti seperti projek komuniti, latihan industri, penyelidikan lapangan, simulasi, pembelajaran perkhidmatan (*service learning*) dan pelbagai aktiviti autentik yang berkait rapat dengan realiti kehidupan sebenar. Model Pembelajaran Kolb telah diiktiraf secara meluas sebagai salah satu kerangka teori yang signifikan dalam menjelaskan proses pembelajaran berasaskan pengalaman, khususnya dalam bidang pendidikan yang menekankan latihan praktikal dan penglibatan aktif pelajar. Menurut Kolb (1984), pembelajaran merupakan suatu proses yang berlaku secara berterusan melalui satu kitaran pengalaman yang dinamik. Keberkesanan pembelajaran tidak bergantung kepada penguasaan pengetahuan semata-mata, sebaliknya terhasil daripada interaksi yang seimbang antara empat fasa utama yang saling berkait dan melengkapi antara satu sama lain.

Rajah 1: Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Berasaskan Teori Kolb (1984)



Rajah di atas adalah pemboleh ubah utama dalam kajian ini. Melalui empat fasa kitaran pembelajaran, mahasiswa memperoleh pengalaman autentik yang menyumbang kepada pembangunan kompetensi dan seterusnya memperkukuh pembentukan nilai etika serta tanggungjawab sosial. Kerangka ini digunakan sebagai asas untuk menganalisis impak pelaksanaan PBP dalam Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban terhadap pembangunan mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan.

ISBN:2637-126X

Berdasarkan model ini, Kolb menegaskan bahawa pembelajaran yang berkesan berlaku apabila individu melalui keseluruhan kitaran pembelajaran secara seimbang. Pelajar bukan sahaja perlu mengalami sesuatu pengalaman secara langsung, malah perlu melakukan refleksi terhadap pengalaman tersebut, seterusnya membentuk konsep atau pemahaman baharu dan akhirnya mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam situasi yang berbeza. Dengan kata lain, pembelajaran yang bermakna terhasil daripada integrasi antara pengalaman, refleksi, pemikiran dan tindakan. Oleh itu, Model Pembelajaran Kolb bukan sahaja menekankan aspek pemerolehan ilmu, tetapi turut memberi perhatian kepada proses pembentukan kemahiran, nilai dan kompetensi yang dapat di aplikasikan dalam kehidupan sebenar serta dunia pekerjaan.

KERANGKA TEORI

Kajian ini didasari oleh Teori Pembelajaran Pengalaman (Experiential Learning Theory) yang diperkenalkan oleh David A. Kolb (1984). Menurut Kolb, pembelajaran merupakan suatu proses yang berlaku secara berterusan melalui satu kitaran dinamik yang melibatkan empat fasa utama iaitu pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptualisasi abstrak dan eksperimen aktif. Berdasarkan model ini, pembelajaran yang bermakna terhasil daripada integrasi seimbang antara pengalaman, refleksi, pemikiran dan tindakan. Oleh itu, Model Kolb bukan sahaja menekankan pemerolehan ilmu, tetapi turut memberi perhatian kepada proses pembentukan kemahiran, nilai dan kompetensi yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan sebenar dan dunia pekerjaan.

Model Pembelajaran Kolb telah diterima secara meluas sebagai antara kerangka teori yang paling berpengaruh dalam bidang pendidikan. Johnson et al. (2020) menjelaskan bahawa model dan inventori Kolb menyediakan asas yang kukuh untuk memahami perbezaan gaya pembelajaran individu, lantas membantu pendidik mereka bentuk persekitaran pembelajaran yang lebih dinamik, responsif, inklusif dan berkesan. Kumar dan Bhandarker (2019) yang mengkaji keberkesanan aplikasi Model Kolb menyimpulkan bahawa model ini berpotensi meningkatkan kualiti pembelajaran secara holistik kerana pelajar berpeluang mengaitkan teori dengan situasi sebenar, yang menyumbang kepada pembangunan kemahiran pengurusan seperti kepimpinan, penyelesaian masalah, membuat keputusan dan kebolehsuaian.

Selain itu, Agudelo dan Vasco (2019) mendapati bahawa pengalaman langsung dan refleksi kendiri melalui pembelajaran autentik membantu pelajar mengenal pasti kekuatan, kelemahan dan potensi diri secara lebih berkesan. Wifqi Rahmi (2024) turut mengesahkan bahawa pelaksanaan aktiviti berasaskan Model Kolb berjaya meningkatkan penglibatan aktif pelajar secara signifikan, memperkukuh kemahiran berfikir aras tinggi termasuk pemikiran kritis dan kreatif, serta menggalakkan kemahiran kerja berpasukan melalui penyelesaian masalah secara kolaboratif.

Berdasarkan kekuatan teoritikal dan sokongan empirikal ini, Model Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb dipilih sebagai kerangka konseptual utama yang amat bersesuaian untuk menjelaskan proses pembelajaran mahasiswa dalam kajian ini. Melalui empat fasa kitaran pembelajaran ini, pengalaman autentik yang diperoleh mahasiswa digunakan sebagai asas untuk menganalisis impak pelaksanaan pentaksiran berterusan dalam Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban terhadap pembangunan kompetensi, nilai etika, serta tanggungjawab sosial di Universiti Malaysia Kelantan.

ISBN:2637-126X

KAJIAN LITERATUR

Isu kebolehpasaran graduan terus menjadi perhatian utama dalam landskap pendidikan tinggi di Malaysia, terutamanya apabila sektor industri masa kini semakin kompleks dan dinamik. Dalam era Revolusi Perindustrian 4.0, transformasi digital dan perkembangan kecerdasan buatan, majikan menuntut tenaga kerja yang tidak hanya cemerlang dalam pencapaian akademik semata-mata, malah memiliki keupayaan menyesuaikan diri, tahap kompetensi insaniah, pemikiran kritis serta nilai etika yang tinggi. Menurut Md Fauzi Ahmad dan Abdul Talib Bon (2024), kecemerlangan akademik sahaja tidak lagi mencukupi untuk memenuhi keperluan pasaran kerja yang sentiasa berubah-ubah. Hal ini selari dengan kajian tinjauan yang dijalankan oleh Hussain Othman et al. (2018) mengenai kompetensi yang diperlukan oleh industri. Kajian mereka yang melibatkan majikan daripada pelbagai sektor mendapati bahawa kemahiran komunikasi, kepimpinan, penyelesaian masalah, dan kerja berpasukan adalah antara kompetensi utama yang sangat dikehendaki oleh majikan di pasaran. Graduan didapati sering berdepan kesukaran menempatkan diri dalam alam pekerjaan kerana kelemahan mereka dalam mengaplikasikan pengetahuan tersebut ke dalam situasi kerja yang sebenar.

Bagi menyokong penemuan ini, Nur Sheilla Saida Abdullah dan Zuber Abd. Majid (2022) dalam kajian mereka mengenai modal insan dan kebolehpasaran graduan di universiti awam Malaysia telah membuktikan bahawa penguasaan kemahiran insaniah mempunyai hubungan yang sangat signifikan dengan tahap kebolehpasaran. Graduan yang memiliki daya kepimpinan, kemahiran komunikasi yang baik, dan kebolehsuaian yang tinggi didapati jauh lebih mudah memperoleh pekerjaan. Keadaan ini secara langsung menuntut institusi pengajian tinggi untuk merombak strategi dengan mengintegrasikan aspek kognitif, psikomotor, dan afektif secara seimbang agar dapat menghasilkan graduan yang kompeten, berintegriti dan berdaya saing. Seperti yang dijelaskan oleh Zuber dan Hussin Muhammad (2015), serta disokong oleh kajian Alwi et al. (2020), pendekatan pengajaran konvensional yang terlalu berorientasikan teori di dalam dewan kuliah dilihat kurang mencukupi untuk membina kompetensi yang diperlukan oleh dunia sebenar. Oleh hal yang demikian, kajian semasa berusaha mengisi kelompangan ini dengan meneroka secara mendalam bagaimana pengalaman pembelajaran tertentu dapat menstrukturkan kompetensi ini dalam kalangan mahasiswa.

Bagi menangani cabaran pembentukan sahsiah dan memenuhi tuntutan pasaran, Pembelajaran Berasaskan Pengalaman telah diangkat sebagai satu pendekatan pedagogi yang amat bertepatan. Secara asasnya, konsep ini bukanlah suatu perkara yang baharu. Tokoh pendidikan progresif, John Dewey (1938), telah lama menegaskan bahawa pembelajaran yang paling berkesan berlaku melalui pengalaman langsung yang diistilahkan sebagai belajar dengan melakukan. Pendekatan ini berpegang pada falsafah bahawa penglibatan aktif pelajar dalam sesuatu situasi atau aktiviti sebenar memberikan kefahaman yang jauh lebih mendalam berbanding hanya menelaah teori semata-mata. Pandangan ini telah diperkukuh oleh Hoover (1974) yang mendefinisikan pembelajaran pengalaman sebagai satu proses yang mewajibkan pelajar melakukan refleksi terhadap apa yang telah dilalui sehinggalah pemahaman dan pengetahuan baharu berjaya dirumus.

Dalam konteks pendidikan tempatan, Elfis Suanto, Effandi Zakaria dan Siti Mistima Maat (2019) menjelaskan secara terperinci bahawa Pembelajaran Berasaskan Pengalaman merupakan suatu pendekatan induktif yang meletakkan pelajar sebagai tunjang utama kepada proses pembelajaran. Ia sangat berorientasikan aktiviti praktikal dan menggalakkan pelajar untuk menganalisis setiap cabaran secara reflektif sebelum mereka mengaplikasikannya dalam konteks kehidupan yang lain. Melalui keterlibatan secara emosi dan tindakan ini,

ISBN:2637-126X

aspek kognitif, psikomotor dan afektif dapat dibangunkan secara serentak. Kenyataan ini disokong oleh Almulla (2020) serta Wetzel dan Farrow (2021) yang bersetuju bahawa penglibatan secara terus menerusi projek autentik membantu pelajar menghadam kandungan akademik dengan lebih efektif dan bermakna. Tambahan pula, kajian lepas oleh Nor Khayati Basir et al. (2017) mendedahkan bahawa pengalaman berharga di lapangan turut merangsang pembentukan kefahaman kendiri pelajar, yang akhirnya bertindak sebagai pemangkin semula jadi untuk meningkatkan minat dan motivasi dalaman mereka terhadap proses menuntut ilmu.

Bagi merealisasikan pembangunan modal insan yang holistik, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah pun menggiatkan inisiatif pembelajaran berteraskan komuniti dan industri menerusi kerangka *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape* serta program *Service Learning Malaysia-University for Society* atau lebih dikenali sebagai SULAM. Terdapat pelbagai tinjauan terkini yang mengukur impak inisiatif ini terhadap ekosistem mahasiswa. Darus (2023) dalam kajian kuantitatifnya di Universiti Teknologi MARA melaporkan bahawa pelaksanaan kursus yang berasaskan SULAM membuahkan hasil yang sangat luar biasa dalam membentuk kemahiran insaniah. Beliau mencatatkan peningkatkan positif yang ketara dalam aspek kemahiran komunikasi, keupayaan memimpin, pemikiran kritis dan kelancaran kerja berpasukan. Walau bagaimanapun, kajian Darus didapati tidak membincangkan pembentukan moral secara terperinci, lalu memberi ruang kepada kajian semasa untuk meneliti kedua-dua aspek secara serentak iaitu pembentukan kompetensi teknikal dan penghayatan nilai etika.

Dalam masa yang sama, kajian oleh Wahab (2024) yang menilai kelangsungan program SULAM terhadap tahap pembelajaran pelajar dan penglibatan pihak luar turut memberikan sokongan empirikal yang positif. Melibatkan perbandingan mahasiswa dari beberapa buah institusi pendidikan, kajian ini membuktikan bahawa kemahiran sosial, komunikasi, semangat berpasukan dan kesedaran sivik pelajar menjadi semakin utuh melalui interaksi bersama masyarakat. Program seumpama ini juga dikesan banyak menyumbang kepada jalinan hubungan silaturahim antara ruang lingkup universiti dengan komuniti luar. Idea ini disokong secara berterusan oleh Wahab, Che Sobry, Mohd Saufi dan Hanafi (2025) melalui pendekatan kaedah campuran mereka. Dapatan pengkaji-pengkaji ini menunjukkan bahawa keberadaan pelajar dalam komuniti bukan sekadar memperhebat kompetensi komunikasi dan kepimpinan, malah memberi pulangan nilai tambah menerusi konsep pemindahan ilmu pengetahuan yang mendatangkan kepuasan secara langsung kepada komuniti setempat. Walau bagaimanapun, sebahagian besar penulisan ini lebih menjurus kepada pengukuran program secara bersasar dan tidak meneliti proses pentaksiran berterusan untuk kursus akademik yang khusus seperti Penghayatan Etika dan Peradaban.

Kajian dari perspektif lain seperti penulisan Md Sari dan Norasikin (2025) serta Rahim dan Mohamad (2025) sangat giat menekankan rasional dan kepentingan latihan industri dalam mengukuhkan aspek kemahiran praktikal pelajar pendidikan tinggi di Malaysia. Namun, di sebalik tuntutan pasaran kerja fizikal, matlamat utama pendidikan juga adalah untuk menyemai nilai kemanusiaan. Penulisan Jamil, Laipan, Nasah dan Abd. Rahim (2026) sangat relevan dengan hasrat pembentukan roh manusiawi ini. Kumpulan penyelidik ini mengkaji fungsi transformatif aktiviti kemasyarakatan dalam mempromosikan kelestarian etika dan memartabatkan nilai MADANI dalam landskap pendidikan. Menerusi temu bual dan analisis dokumen, mereka mendapati pendedahan pelajar kepada kelompok masyarakat bawahan berjaya menyemai nilai-nilai agung seperti rasa hormat, sifat ihsan, kemahuan mencipta kesejahteraan bersama, serta kebertanggungjawaban sosial yang tinggi. Penemuan ini meletakkan tanda aras bahawa persekitaran realiti mampu mendidik keperibadian graduan supaya selari dengan aspirasi murni negara. Abd Kadir (2026) yang turut menilai program

ISBN:2637-126X

sebegini menggunakan instrumen borang elektronik berstruktur merumuskan dapatan serupa di mana pelajar menunjukkan lonjakan positif dalam integriti, kebersamaan dan literasi sivik sesudah selesai bergaul dalam kelompok awam.

Berdasarkan kesemua ulasan karya terdahulu yang dibentangkan, dapat disimpulkan secara kukuh bahawa Pembelajaran Berasaskan Pengalaman diiktiraf sebagai jentera pemacu yang amat berkesan untuk membangunkan kompetensi insaniah, membentuk keutuhan nilai moral, dan merancakkan kebolehpasaran graduan secara umumnya. Terdapat persamaan yang tidak dapat disangkal bahawa interaksi dan kolaborasi pelajar bersama masyarakat mampu mencorak kematangan sahsiah serta melatih jiwa mahasiswa agar menjadi lebih beradab. Walau bagaimanapun, sebuah kelompangan yang dapat dirumuskan daripada siri penelitian literatur ini adalah majoriti kajian terdahulu hanya cenderung mendokumentasikan pencapaian aktiviti berbentuk kesukarelawanan umum atau sekadar berlegar dalam kursus-kursus yang tidak berteraskan elemen kenegaraan. Penyelidikan yang menganalisis impak pembelajaran secara khusus, terutamanya untuk menghubungkan teknik pentaksiran berterusan dengan pembentukan kompetensi serta nilai berpandukan Model Kolb di dalam Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (USK10202) masih terlalu terhad dan kurang mendapat pendedahan meluas. Atas dasar tersebut, kajian ini merintis jalan untuk menutup kelompangan literatur dengan meneroka secara komprehensif bagaimana mahasiswa merubah karakter mereka sejurus tamat fasa pemerhatian serta perlaksanaan dokumentasi digital dalam komuniti yang sebenar.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif menerusi pendekatan tinjauan dengan instrumen refleksi terbuka (*open-ended responses*). Reka bentuk ini dipilih bagi meneliti secara mendalam pengalaman, proses adaptasi, dan impak Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBP) terhadap pembentukan kompetensi serta nilai etika mahasiswa. Bagi menyokong kekuatan empirikal kajian, analisis kualitatif tersebut turut disokong dengan analisis statistik deskriptif asas (kekerapan dan peratusan) ke atas tema-tema utama yang dikenal pasti.

Populasi dan Persampelan Kajian Kajian ini melibatkan seramai 589 orang mahasiswa Tahun 1, Semester 1 di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang mengambil Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (USK10202). Sampel terdiri daripada mahasiswa dari empat buah fakulti, iaitu Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, serta Fakulti Perubatan Veterinar. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) kerana responden dipilih secara khusus dalam kalangan pelajar yang telah menjalani sepenuhnya pengalaman pentaksiran berterusan di lapangan (kerja lapangan, pembikinan video, dan e-portfolio) berasaskan Model Kolb.

Instrumen Kajian Data dikumpul menggunakan borang soal selidik refleksi secara dalam talian yang diedarkan menggunakan *Google Forms* bertajuk "Penilaian Refleksi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban USK 10202". Instrumen ini mengandungi 15 item soalan subjektif terbuka yang direka bentuk secara khusus bagi mengukur keberkesanan aktiviti berpandukan empat fasa utama Model Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb (1984). Konstruk instrumen dibahagikan mengikut dimensi berikut:

1. Pengalaman Konkrit (*Concrete Experience*): Menilai reaksi emosi, pemerolehan pengalaman awal di luar bilik darjah, dan impak pengalaman di lapangan (Item 1, 3, dan 9).

ISBN:2637-126X

2. Pemerhatian Reflektif (*Reflective Observation*): Mengenal pasti cabaran yang dihadapi, kesedaran terhadap kekuatan diri, dan ruang penambahbaikan melalui refleksi kendiri (Item 2, 4, dan 6).
3. Konseptual Abstrak (*Abstract Conceptualization*): Menilai kefahaman pelajar tentang perkaitan teori etika dengan realiti kehidupan, serta mengukur anjakan persepsi atau prasangka sosial (Item 7, 10, dan 11).
4. Eksperimen Aktif (*Active Experimentation*): Mengukur tahap aplikasi kemahiran digital, aplikasi adab dan komunikasi dengan pihak ketiga, serta keyakinan untuk menyumbang mesej positif kepada komuniti (Item 5, 8, 12, 13, 14, dan 15).

Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data Borang soal selidik ini diedarkan kepada semua responden pada minggu akhir pengkuliahan setelah pelajar melengkapkan keseluruhan proses tugasan lapangan. Data teks yang diperoleh daripada 589 orang responden diekstrak dan dianalisis menggunakan kaedah Analisis Tematik. Jawapan pelajar dikodkan dan dikelompokkan kepada dua kategori utama, iaitu Tema Kompetensi dan Tema Nilai. Berikut adalah huraian terperinci bagi tema-tema tersebut berserta sokongan data daripada jawapan responden:

1. Tema Kompetensi

Tema ini merujuk kepada kemahiran insaniah dan Kemahiran praktikal yang berjaya diasah oleh mahasiswa sepanjang melaksanakan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBP) di luar bilik darjah. Tema ini terdiri daripada kemahiran digital, pengurusan masa, kerja berpasukan dan penyelesaian masalah serta kemahiran komunikasi. Penerangan tentang tema ini adalah seperti berikut:

a) Kemahiran Digital

Peningkatan yang sangat ketara dicatatkan dalam kemahiran digital pelajar. Mereka menyatakan bahawa mereka semakin mahir dalam menyunting video (seperti menggunakan CapCut), mereka bentuk grafik menggunakan Canva, dan menguruskan fail serta maklumat secara digital untuk tujuan dokumentasi.

b) Pengurusan Masa

Tema pengurusan masa paling banyak muncul apabila pelajar ditanya mengenai cabaran dan perkara yang ingin diperbaiki. Mereka belajar untuk menyusun jadual dengan lebih teratur, membahagikan tugas supaya siap sebelum tarikh akhir, dan mengelakkan budaya menangguh kerja (*last minute*).

c) Kerja Berpasukan & Penyelesaian Masalah

Pelajar belajar bertolak ansur dan bersikap fleksibel apabila berdepan cabaran di lapangan (seperti cuaca buruk, pertukaran pelan, atau ahli kumpulan yang kurang memberikan kerjasama). Mereka menyelesaikan masalah dengan mengadakan perbincangan secara harmoni dan membahagikan tugas dengan adil.

d) Kemahiran Komunikasi

Keberanian dan keyakinan diri pelajar meningkat melalui interaksi secara terus dengan masyarakat awam. Pelajar yang pada mulanya berasa malu mula belajar cara

ISBN:2637-126X

menyantuni masyarakat, mengajukan soalan dengan sopan ketika temu bual, dan menyesuaikan laras bahasa dengan pelbagai peringkat umur.

2. Tema Nilai

Tema Nilai mencerminkan penghayatan sahsiah dan moral pelajar dari sudut etika dan peradaban yang berjaya dipupuk melalui pendedahan terhadap realiti masyarakat sebenar. Tema yang ditekankan adalah seperti tanggungjawab sosial dan kesedaran alam sekitar, hormat menghormati dan adab, integrity dan amanah, empati dan keprihatinan serta penghargaan warisan budaya. Penerangan tentang tema ini adalah seperti berikut:

a) Tanggungjawab Sosial dan Kesedaran Alam Sekitar
Kesedaran pelajar terhadap isu-isu sosial dan persekitaran meningkat dengan mendalam. Sebagai contoh, melalui projek memungut sampah di pantai dan memberi makan haiwan terbiar, pelajar merumuskan bahawa kebersihan dan penjagaan kelestarian bumi adalah tanggungjawab moral setiap anggota masyarakat, bukan sekadar teori.

b) Hormat-menghormati dan Adab
Dari aspek peradaban, pelajar mempraktikkan adab dengan menggunakan tutur kata yang lembut, mendengar pandangan orang lain dengan teliti tanpa memotong percakapan, serta menjaga tingkah laku (termasuk berpakaian sopan) semasa berada dalam komuniti.

c) Integriti dan Amanah
Tema ini terserlah apabila pelajar ditanya tentang cara mereka memelihara sensitiviti. Mereka mempraktikkan integriti dengan meminta izin (*consent*) sebelum mengambil gambar atau merakam video, menyemak kesahihan fakta (cross-checking) daripada sumber yang betul, dan tidak memanipulasi aib atau isu sensitif kaum.

d) Empati dan Keprihatinan
Detik yang paling memberi kesan emosi kepada pelajar adalah apabila mereka menyaksikan realiti sebenar kesusahan masyarakat. Mereka menjadi lebih bersyukur, tidak menghakimi (*judge*) orang lain secara melulu dari luaran, dan membuang segala prasangka awal yang mereka miliki.

e) Penghargaan Warisan Budaya
Bagi pelajar yang mengkaji kebudayaan, wujud kesedaran yang tinggi untuk mempertahankan identiti dan warisan bangsa seperti anyaman ketupat, wau, makanan tradisi, dan tulisan Jawi. Mereka sedar budaya ini perlu dipelihara agar tidak ditelan arus pemodenan.

Kesimpulannya, pengasingan data mengikut Tema Kompetensi dan Tema Nilai ini secara langsung menjawab objektif pertama dan kedua kajian berkenaan impak PBP terhadap Pembangunan kompetensi mahasiswa UMK dan peranan PBP dalam membentuk nilai etika,

ISBN:2637-126X

tanggungjawab sosial dan peradaban mahasiswa. Bagi memperkukuh pelaporan dapatan, kekerapan (frekuensi) bagi setiap tema yang muncul dikira dan ditukar kepada bentuk peratusan.

DAPATAN KAJIAN

Penelitian ini menumpukan kepada pentaksiran berterusan sebagai satu pembelajaran berasaskan pengalaman kepada para mahasiswa di UMK. Pelaksanaan tugasan berterusan dilihat membantu mahasiswa meneroka, melibatkan diri secara aktif dan mengaplikasikan pengetahuan berasaskan pengalaman berkaitan etika dan peradaban. Penyelidikan ini penting kepada mahasiswa kerana segala bentuk pengalaman yang diperolehi akan dipindahkan ke dalam bentuk pengetahuan, interaksi dan tindak balas terhadap persekitaran pembelajaran selain menjadi nilai tambah bagi memantapkan domain kognitif dan afektif mereka.

Pelaksanaan pentaksiran berterusan adalah berdasarkan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBP) oleh Kolb (1984) atau Model Kolb yang merangkumi pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptual abstrak dan eksperimen aktif. Pelaksanaan ini melibatkan pembentukan kumpulan, pembahagian tajuk bertema, pemerhatian dan temu bual dengan pihak luar (industri atau masyarakat). Segala aktiviti, tugasan dan penilaian adalah berdasarkan kepada penghasilan inovasi PBP seperti video rakaman dan e-portfolio. Penilaian refleksi terhadap pentaksiran berterusan juga dilakukan dengan penyediaan soal selidik terhadap 589 orang mahasiswa pada minggu akhir pengkuliahan.

Jadual 1: Pelaksanaan Tugasan Berterusan Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (USK10202)

ASPEK	PERINCIAN
Pendekatan Utama	Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman oleh Kolb (1984)
Model Pelaksanaan	Model Kolb melibatkan;
	pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptual abstrak, eksperimen aktif
Kaedah Pelaksanaan	Pembentukan kumpulan pelajar Pembahagian tajuk bertema iii. Pemerhatian dan temu bual dengan pihak luar (industri/masyarakat) Penghasilan inovasi (video rakaman, e-portfolio)
Penilaian	Penilaian refleksi; soal selidik kepada mahasiswa pada minggu akhir

Pelaksanaan Pentaksiran Berterusan

Pelaksanaan pentaksiran berterusan bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (USK10202) terbahagi kepada beberapa fasa;

1. Fasa pertama (Penjelasan Tentang Pentaksiran Berterusan)

Fasa ini melibatkan pertemuan bersemuka antara pensyarah dan mahasiswa pada minggu pertama pengkuliahan. Pensyarah menerangkan tentang pentaksiran berterusan merangkumi kandungan, pelaksanaan dan impak yang akan diperoleh. Seramai 589 orang mahasiswa dari empat fakulti (Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Fakulti Teknologi Kreatif

ISBN:2637-126X

dan Warisan, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan serta Fakulti Perubatan Vetarinar) dengan latar belakang disiplin yang pelbagai telah dipilih. Terdapat 9 kelas iaitu BCK1,BCK2,BCK3,BCK4,PC1,PC2,PC3,PC4 dan FPV1 yang dipimpin oleh dua orang pensyarah (Dr. Tuan Rusmawati Raja Hassan dan Puan Zuriati Mohd Rashid). Mahasiswa yang mengambil kursus MPU ini ialah mahasiswa tahun 1, semester 1. Fasa ini dirangka bagi melengkapkan mahasiswa dengan pemahaman tentang tujuan pelaksanaan tugasan ini. Ia juga antara lain untuk menanam minat dalam kalangan mahasiswa untuk terlibat secara aktif selain penyediaan pengetahuan asas bagi kelancaran fasa-fasa seterusnya.

2. Fasa kedua (Transformasi Pembelajaran Melalui Adaptasi Model Kolb)

Fasa ini menerapkan adaptasi Model Kolb terhadap mahasiswa agar mengalami kitaran pembelajaran yang komprehensif, merangkumi pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptual abstrak, dan eksperimen aktif.

i. Fasa Pengalaman Konkrit (*Concrete Experience*)

Fasa ini melibatkan pemerolehan maklumat melalui penglibatan langsung dan praktikal, membolehkan pelajar belajar dengan melakukan dan mengalaminya secara bersemuka di lapangan.

- Reaksi Emosi dan Penyesuaian Diri: Pada awalnya, majoriti pelajar merekodkan perasaan gementar, bimbang, dan takut kerana perlu merancang aktiviti lapangan secara kendiri tanpa bantuan langsung. Namun, perasaan ini berubah menjadi teruja dan bermotivasi sebaik sahaja mereka turun ke lapangan dan berhadapan dengan komuniti sebenar.
- Pembelajaran Realistik: Pelajar mendapati pembelajaran di luar bilik darjah sangat berbeza dengan dewan kuliah kerana ia lebih interaktif, praktikal, dan membolehkan mereka memahami realiti masyarakat secara bersemuka berbanding pembelajaran teori yang bersifat abstrak.
- Momen Kesedaran Emosi: Detik paling memberi kesan emosi ialah apabila pelajar berinteraksi secara langsung dengan komuniti dan melihat realiti sebenar kesusahan masyarakat atau semangat kerjasama erat antara kumpulan.

2. Fasa Pemerhatian Reflektif (*Reflective Observation*)

Proses ini tertumpu kepada cara pelajar memproses maklumat dengan merenung, menilai, dan menganalisis pengalaman cabaran yang telah dilalui.

- Refleksi Potensi Kendiri: Semasa proses refleksi, pelajar mengenali kekuatan baharu dalam diri mereka di mana mereka menyedari kebolehan untuk berdikari, bekerja di bawah tekanan, menguruskan masa, dan bertoleransi bersama rakan-rakan berbeza latar belakang.
- Analisis Cabaran dan Rencana Penambahbaikan: Pelajar secara reflektif mengenal pasti cabaran utama seperti kekangan masa, kesukaran mendapat maklumat, cabaran teknikal, serta cuaca. Berdasarkan refleksi ini, mereka merumuskan sekiranya diberi peluang kedua, aspek yang akan diperbaiki adalah pengurusan masa, perancangan awal, dan kualiti penyuntingan dokumentasi.

ISBN:2637-126X

3. Fasa Konseptual Abstrak (*Abstract Conceptualization*)

Dalam fasa ini, pelajar menggunakan pemerhatian mereka untuk membentuk konsep, pemahaman prinsip, dan menghubungkan pengalaman dengan teori akademik yang dipelajari.

- Menghubungkaitkan Teori Etika dengan Realiti: Pelajar membina pemahaman baharu (konseptual) bahawa nilai etika dan peradaban (seperti tanggungjawab, kejujuran, dan empati) bukanlah sekadar teori untuk dihafal dari buku teks, tetapi ia adalah panduan kritikal yang perlu diamalkan dalam membuat keputusan dan interaksi dalam kehidupan seharian.
- Anjakan Paradigma dan Penghapusan Prasangka: Pengalaman lapangan ini berjaya mengubah persepsi awal dan prasangka pelajar. Mereka menyatakan bahawa mereka kini berfikiran lebih objektif, terbuka, dan mula memahami bahawa sesuatu situasi sosial harus dikaji dengan teliti dan bukan dinilai melalui luaran atau secara melulu.
- Pembentukan Kesedaran Sosial: Pelajar merumuskan mesej teras pembelajaran mereka, iaitu keperluan memainkan peranan sebagai ahli masyarakat yang lebih bertanggungjawab, cakna dengan persekitaran, serta kepentingan memelihara warisan budaya negara.

4. Fasa Eksperimentasi Aktif (*Active Experimentation*)

Fasa terakhir ini adalah di mana pelajar mengaplikasikan maklumat dan teori untuk menyelesaikan masalah secara praktikal.

- Strategi Menyelesaikan Masalah Lapangan: Pelajar bertindak aktif menggunakan pelbagai strategi untuk mengatasi cabaran di lapangan. Contohnya, mereka bertolak ansur dan bersikap fleksibel terhadap perubahan jadual, merancang pembahagian tugas, dan berbincang secara terbuka dengan ahli kumpulan.
- Pengaplikasian Kemahiran Digital: Pelajar menunjukkan peningkatan yang ketara melalui aplikasi kemahiran digital praktikal. Mereka bereksperimen dengan menggunakan aplikasi seperti Canva, rakaman dan penyuntingan video (CapCut), serta platform pengurusan fail untuk mendokumentasikan aktiviti mereka secara teratur dan menarik.
- Pengamalan Etika dan Adab Penyelidikan: Pelajar mempraktikkan etika dengan membuat *cross-checking* maklumat daripada sumber yang sahih. Semasa berinteraksi dengan komuniti, mereka mempraktikkan adab peradaban dengan bercakap secara sopan, tidak menyentuh sensitiviti pihak luar, dan meminta izin sebelum merakam sebarang dokumentasi digital.

Dapatan ini membuktikan bahawa integrasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman mengikut kitaran Model Kolb membolehkan pelajar mengadaptasikan hasil pembelajaran di universiti ke dalam realiti masyarakat. Ia bukan sahaja meningkatkan kefahaman dan daya berfikir mereka, malah berjaya mengasah kebolehpasaran pelajar yang merangkumi penguasaan kemahiran secara kognitif dan afektif.

Analisis Tematik Maklum Balas Refleksi Pelajar

Bagi menyokong dapatan pelaksanaan fasa-fasa Model Kolb di atas, analisis tematik telah dijalankan ke atas maklum balas respons terbuka daripada 589 orang responden yang telah

ISBN:2637-126X

melalui pengalaman pembelajaran ini. Data analisis dapat dikelompokkan kepada dua tema utama, iaitu Tema Kompetensi yang merangkumi kemahiran insaniah dan praktikal, serta Tema Nilai yang merangkumi etika dan peradaban. Bagi memenuhi keperluan sokongan empirikal, pengiraan jumlah kekerapan dan peratusan telah dilaksanakan ke atas tema-tema yang dikenal pasti hasil daripada jawapan responden.

1. Tema 1: Kompetensi Kemahiran Insaniah dan Praktikal

Tema ini merujuk kepada kemahiran yang berjaya diasah oleh mahasiswa sepanjang merancang, menyelidik dan mendokumentasikan hasil kajian mereka di lapangan. Kemahiran Digital dan Teknologi Maklumat Hasil analisis mendapati seramai 515 orang responden yang mewakili 87.4 peratus merekodkan peningkatan yang sangat ketara dalam kemahiran memanipulasi teknologi digital bagi tujuan dokumentasi. Pendedahan kepada keperluan menghasilkan e-portfolio dan video telah memaksa mereka meneroka perisian baharu dan mengasah daya kreativiti masing-masing. Seorang responden menyatakan bahawa kemahiran digitalnya meningkat dengan ketara kerana menjadi lebih mahir menggunakan perisian dan aplikasi untuk merekod, menyunting, dan menyusun maklumat secara digital dengan lebih efektif. Pelajar lain turut menyokong bahawa penglibatan dalam projek dokumentasi meningkatkan kemahiran digital secara signifikan, terutamanya dalam teknik multimedia dan pengurusan kandungan digital. Hal ini membuktikan pelajar tidak hanya mahir secara teori, tetapi cekap dari sudut aplikasi teknikal selari dengan arus permodenan.

Pengurusan Masa dan Penyelesaian Masalah Apabila pelajar dilepaskan ke lapangan untuk merancang sendiri tugasan mereka, pengurusan masa dan penyelesaian masalah menjadi elemen kompetensi yang paling kerap diuji. Kekerapan yang direkodkan bagi tema ini adalah seramai 485 orang responden atau 82.3 peratus yang mengeluh tentang kekangan masa serta faktor yang tidak dapat dikawal seperti cuaca buruk, namun perkara ini mengajar mereka daya tahan yang luar biasa. Seorang responden berkongsi bahawa cabaran utama yang dihadapi ialah kekangan masa dan komunikasi dengan pihak terlibat, lantas menggunakan strategi merancang jadual dengan lebih teratur, berkomunikasi secara sopan dan fleksibel serta sentiasa bersedia menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. Pengalaman menyelesaikan krisis di lapangan ini membina daya tahan pelajar, seperti yang diluahkan oleh responden lain yang menyedari bahawa beliau memiliki daya tahan yang lebih tinggi daripada yang dijangkakan kerana mampu kekal tenang dan mencari solusi walaupun keadaan di lapangan tidak berjalan seperti yang dirancang.

Kerja Berpasukan dan Kemahiran Komunikasi Tugasan ini secara tidak langsung meruntuhkan rasa malu dan memaksa pelajar berkomunikasi secara berkesan. Analisis mendapati tema kerja berpasukan dan komunikasi mencatatkan kekerapan sebanyak 542 orang responden iaitu bersamaan dengan 92.0 peratus. Pelajar menyedari bahawa komunikasi yang baik dalam pasukan dan dengan masyarakat luar adalah kunci kepada kelancaran projek. Seorang mahasiswa mengakui bahawa pembelajaran di luar bilik darjah lebih mencabar dan menyeronokkan kerana melibatkan pengalaman sebenar, kerja berpasukan dan komunikasi secara langsung. Keterpaksaan untuk berkomunikasi dengan individu yang tidak dikenali ini menumbuhkan keyakinan diri yang baharu, di mana seorang responden menyatakan pengalaman ini meningkatkan tahap keyakinan diri untuk menyumbang secara aktif kepada masyarakat kerana memberi peluang mengambil inisiatif, berinteraksi dengan pelbagai pihak, dan menghadapi cabaran secara langsung.

ISBN:2637-126X

2. Tema 2: Penghayatan Nilai Etika dan Peradaban

Tema ini memfokuskan kepada pembentukan karakter, moral, kerohanian, dan keluhuran budi pekerti yang berjaya diterapkan ke dalam jiwa pelajar setelah berinteraksi dengan komuniti dan alam sekitar. Tanggungjawab Sosial dan Kelestarian Alam Sekitar Tema tanggungjawab sosial mencatatkan antara kekerapan yang paling tinggi dengan jumlah 563 orang responden iaitu 95.6 peratus yang menyatakan kesediaan serta peningkatan keyakinan diri untuk menyumbang secara aktif kepada masyarakat. Melalui pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman, pelajar tidak lagi melihat diri mereka sebagai individu yang terasing daripada isu masyarakat, sebaliknya mereka menyedari peranan penting mereka sebagai khalifah di bumi yang perlu bertanggungjawab ke atas alam sekitar. Refleksi pelajar dengan jelas membuktikan perkara ini apabila seorang pelajar merumuskan bahawa alam sekitar adalah cermin etika kita dan dokumentasi ini bertujuan untuk menyedarkan masyarakat bahawa menjaga alam bukan satu pilihan, tetapi satu kewajipan moral yang mencerminkan jati diri kita yang sebenar. Kesedaran ini disokong dengan tindakan fizikal seperti aktiviti membersihkan kawasan pantai, di mana pengalaman memungut sampah di pantai membangkitkan rasa kesedaran sivik yang sangat mendalam bahawa kelestarian alam adalah tanggungjawab bersama secara kolektif.

Integriti, Amanah dan Etika Penyelidikan Pembelajaran yang melibatkan komuniti memerlukan tahap integriti yang sangat tinggi. Seramai 395 orang responden yang mewakili 67.1 peratus didapati menekankan aspek integriti dan amanah semasa menjalankan kajian. Mahasiswa dilatih untuk menghormati maruah dan menjaga aib serta sensitiviti pihak ketiga. Hasil kajian mendapati mahasiswa sangat beretika ketika mengumpul maklumat, di mana mereka menegaskan bahawa mereka memastikan ketepatan maklumat dengan merujuk sumber yang sahih, memelihara sensitiviti dan maruah pihak terlibat dengan meminta izin terlebih dahulu, serta tidak mendedahkan maklumat peribadi yang sulit. Seorang lagi responden menambah bahawa beliau mengamalkan prinsip kerahsiaan dan menggunakan bahasa yang sopan bagi menghormati privasi pihak yang ditemu bual. Integriti ini amat penting untuk menyediakan pelajar dengan etika profesional sebelum mereka menempuh alam pekerjaan sebenar kelak.

Empati, Toleransi dan Penghapusan Prasangka Detik yang paling banyak meninggalkan kesan emosi kepada pelajar adalah pendedahan secara terus kepada realiti kesusahan, kepelbagaian latar belakang, dan perbezaan pandangan dalam masyarakat. Kekerapan bagi tema ini menunjukkan seramai 475 orang responden iaitu mewakili 80.6 peratus secara majoritinya mengakui pengalaman pembelajaran ini berjaya mengubah persepsi dan prasangka awal mereka. Berinteraksi secara terbuka berjaya menghancurkan tembok prasangka dan pemikiran stereotaip yang mereka pegang selama ini. Seorang pelajar meluahkan bahawa aktiviti ini membangkitkan rasa apresiasi dan menyentuh emosi apabila mendengar perkongsian jujur daripada komuniti tentang cabaran hidup mereka, yang sekaligus menghapuskan stereotaip yang dimilikinya terhadap komuniti tertentu. Melalui pendekatan sebegini, nilai kemanusiaan berjaya ditanam, seperti mana seorang responden menyatakan bahawa interaksi secara langsung dengan pihak yang terlibat dan mendengar pengalaman mereka membuatkannya lebih memahami realiti kehidupan sebenar serta menimbulkan rasa empati dan bersyukur.

Menghargai Warisan Budaya dan Identiti Bangsa Tugasan ini juga telah berfungsi sebagai medium yang ampuh untuk memupuk semangat patriotisme, jati diri bangsa, dan rasa bangga terhadap warisan kebudayaan. Tema ini telah dibincangkan oleh seramai 410 orang responden iaitu 69.6 peratus daripada keseluruhan pelajar. Mahasiswa yang menjalankan kajian lapangan berkaitan adat tradisional mula melihat kesinambungan antara sejarah dan

ISBN:2637-126X

identiti nasional masa kini. Seorang pelajar menceritakan bahawa detik paling memberi kesan emosi adalah apabila menyedari betapa gigihnya pengamal budaya dan masyarakat tempatan mempertahankan warisan mereka seperti seni Wayang Kulit dan Dikir Barat walaupun berhadapan arus modenisasi. Kefahaman ini mencetuskan rasa tanggungjawab untuk melestarikan tradisi tersebut, sebagaimana ditekankan oleh seorang pelajar bahawa warisan budaya tradisional perlu dihargai, dipelihara dan diwarisi agar tidak dilupakan oleh generasi muda dalam arus pemodenan.

Adab dan Peradaban dalam Komunikasi Sopan santun dan budi bahasa merupakan cerminan peradaban Timur yang sentiasa diterapkan dalam proses pendidikan ini. Maklum balas membuktikan bahawa seramai 560 orang responden bersamaan 95.1 peratus amat berhati-hati menggunakan tutur kata dan sentiasa menjaga batas pergaulan tanpa mengira taraf, bangsa, dan umur pihak yang dihubungi. Responden menjelaskan bahawa prinsip adab dan peradaban diaplikasikan dengan cara menghormati, bertoleransi, mendengar pandangan orang lain, serta berkomunikasi secara sopan dan berhemah sepanjang pelaksanaan projek. Bahkan apabila berlakunya perbezaan pandangan dalam kerja berkumpulan, para pelajar dapat menyelesaikannya dengan baik dengan sentiasa mengutamakan nilai toleransi dan merendah diri agar tidak mengguris perasaan rakan sepasukan yang lain.

Secara keseluruhannya, dapatan secara kualitatif yang disokong oleh huraian proses pentaksiran ini mendedahkan bahawa kursus Penghayatan Etika dan Peradaban yang digabungkan dengan Teori Pembelajaran Kolb telah membuahkan kesan yang sangat mendalam. Pengalaman di luar bilik darjah bukan sahaja menjadi medium peralihan teori kepada praktikal, tetapi ia memaksa pelajar menyelami permasalahan dunia sebenar dengan minda yang terbuka dan hati yang mempunyai empati. Sokongan data empirikal daripada jumlah kekerapan jelas menunjukkan peratusan positif yang amat tinggi bagi peningkatan setiap kompetensi dan penerapan nilai. Menerusi pemerolehan kemahiran insaniah seperti penggunaan digital yang cekap, pengurusan krisis yang matang, dan penghayatan nilai etika yang holistik, mahasiswa UMK secara langsung sedang membentuk diri mereka menjadi individu yang cukup bersedia dari segi sahsiah dan intelektual. Secara keseluruhannya, pengalaman lapangan ini berjaya mengikis prasangka sosial, mengukuhkan semangat patriotisme terhadap warisan bangsa, menyemai kelestarian alam sekitar, dan melahirkan modal insan yang benar-benar memahami erti tanggungjawab sosial, beradab, serta berkebolehan tinggi untuk berfungsi dalam pasaran pekerjaan.

PERBINCANGAN

Kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti dan menganalisis impak pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman terhadap pembentukan kompetensi insaniah serta penghayatan nilai etika mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan melalui Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Berpandukan objektif kajian dan masalah kelompangan kemahiran graduan yang telah dibangkitkan pada awal penulisan, hasil dapatan kajian membuktikan bahawa pentaksiran berterusan berasaskan pengalaman di luar bilik darjah telah membawa transformasi yang amat positif kepada pembangunan modal insan secara holistik. Dengan bersandarkan Model Pembelajaran Pengalaman Kolb yang merangkumi fasa pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptualisasi abstrak dan eksperimen aktif, perbincangan dapatan ini disusun selari dengan dua tema utama kajian iaitu pembangunan kompetensi dan pembentukan nilai etika. Segala hujah turut disokong oleh analisis kekerapan serta petikan refleksi pelajar bagi memperkukuh kekuatan empirikal kajian ini.

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti impak pembelajaran berasaskan pengalaman terhadap pembangunan kompetensi mahasiswa. Dapatan kajian

ISBN:2637-126X

menunjukkan bahawa keterlibatan pelajar secara langsung di lapangan telah berjaya mengasah pelbagai kemahiran insaniah dan kemahiran praktikal yang sangat kritikal untuk menembusi pasaran pekerjaan yang kompetitif pada masa kini. Merujuk kepada Model Kolb, fasa eksperimen aktif dan fasa pengalaman konkrit dapat dilihat dengan jelas apabila pelajar diarahkan untuk merancang, mengurus dan melaksanakan tugasan lapangan mereka secara kendiri. Berdasarkan data analisis tematik, peratusan yang sangat tinggi iaitu 92.0 peratus bersamaan dengan 542 orang responden mengakui bahawa kemahiran kerja berpasukan dan komunikasi mereka meningkat secara mendadak. Keadaan ini membuktikan bahawa tugas yang mencabar di luar dewan kuliah memaksa pelajar untuk keluar daripada zon selesa, membina keyakinan diri, dan berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat.

Dapatan yang amat positif ini selari dengan kajian lepas oleh Darus (2023) dan Wahab (2024) yang melaporkan bahawa pembelajaran berteraskan komuniti seperti program SULAM terbukti berkesan dalam melonjakkan kemahiran komunikasi dan kepimpinan pelajar. Selain itu, peningkatan dalam kemahiran digital turut mencatatkan kekerapan yang amat tinggi iaitu sebanyak 87.4 peratus yang merangkumi 515 orang responden. Pelajar terdorong dan terpanggil untuk meneroka pelbagai perisian dan aplikasi penyuntingan terkini bagi menterjemahkan pengalaman mereka ke dalam bentuk dokumentasi digital atau e-portfolio yang lebih kreatif. Peningkatan kemahiran teknikal ini sangat relevan dengan kehendak industri semasa yang menuntut literasi teknologi seiring dengan revolusi digital seperti yang ditegaskan oleh Nur Sheilla Saida Abdullah dan Zuber Abd. Majid (2022) dalam kajian mereka yang lalu.

Dari aspek pengurusan masa dan kemahiran menyelesaikan masalah pula, seramai 485 orang responden atau 82.3 peratus menyatakan bahawa mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran di luar jangkaan seperti masalah perubahan cuaca, kesukaran mendapatkan kerjasama responden dan kekangan masa antara ahli kumpulan. Namun begitu, proses menyelesaikan masalah secara berpasukan ini membina ketahanan mental dan sifat kebolehsuaian yang tinggi dalam diri mereka. Kekuatan pendekatan pengalaman ini disokong secara langsung oleh luahan refleksi seorang pelajar yang menyatakan bahawa pembelajaran teori memerlukan pelajar untuk menghafal, tetapi pembelajaran praktikal membuatkan pengalaman itu menjadi lebih natural dan semula jadi untuk diingati. Interaksi yang dinamik dengan persekitaran ini memperlihatkan keberkesanan fasa eksperimen aktif dalam membina kelangsungan daya fikir mahasiswa.

Seterusnya, bagi menjawab objektif kedua kajian iaitu membincangkan peranan pembelajaran berasaskan pengalaman dalam membentuk nilai etika, tanggungjawab sosial dan peradaban mahasiswa, dapatan kajian menonjolkan impak kerohanian serta perubahan emosi yang sangat mendalam. Proses pembentukan nilai moral ini amat bertepatan dengan fasa pemerhatian reflektif dan konseptualisasi abstrak di dalam kitaran Model Kolb. Setelah mahasiswa berhadapan dengan realiti situasi sebenar di lapangan, mereka mula merenung kembali pengalaman tersebut dan membentuk satu kerangka pemahaman pemikiran yang baharu mengenai keluhuran etika kemanusiaan.

Data kekerapan bagi tema nilai membuktikan bahawa seramai 563 orang responden atau mewakili 95.6 peratus menunjukkan peningkatan tahap tanggungjawab sosial dan penjagaan kelestarian alam sekitar yang sangat membanggakan. Mahasiswa tidak lagi melihat diri mereka sebagai entiti pelajar yang terasing di menara gading, sebaliknya mereka mula sedar akan peranan utama mereka sebagai ejen perubahan komuniti. Kesedaran ini disokong kuat oleh penulisan refleksi seorang pelajar yang merumuskan dengan begitu mendalam bahawa alam sekitar adalah cermin etika kita dan dokumentasi ini bertujuan untuk menyedarkan masyarakat bahawa menjaga alam bukan satu pilihan, tetapi satu kewajipan moral yang mencerminkan jati diri kita yang sebenar. Penemuan ini secara langsung

ISBN:2637-126X

memperkukuh kajian oleh Jamil et al. (2026) yang menekankan fungsi transformatif aktiviti komuniti dalam memartabatkan nilai MADANI seperti kesejahteraan dan kebertanggungjawab sosial dalam sistem pendidikan tinggi negara.

Tambahan pula, pemupukan nilai adab dan peradaban dalam komunikasi turut mencatatkan kekerapan tertinggi iaitu 95.1 peratus. Berada dalam persekitaran sebenar yang melibatkan orang awam menuntut pelajar untuk sentiasa menjaga tatatusila, memelihara nada suara ketika menemu bual, serta menunjukkan sifat hormat-menghormati terhadap mereka yang lebih berusia. Dari sudut integriti dan etika penyelidikan, seramai 395 orang pelajar dengan tegas mempraktikkan penjagaan aib dan maruah dengan merujuk sumber fakta yang sahih serta meminta keizinan rasmi sebelum mendokumentasikan sebarang bentuk bahan. Kefahaman ini dizahirkan melalui kata-kata seorang responden yang menegaskan bahawa nilai etika bukan hanya konsep teori, tetapi perlu diamalkan dalam situasi sebenar seperti ketika berinteraksi dengan orang lain, mengurus maklumat dan membuat keputusan. Tindakan sedemikian membuktikan bahawa pelajar berjaya menterjemahkan kefahaman teori moral dari buku teks ke dalam bentuk amalan praktis profesional.

Lebih menarik lagi, interaksi secara terus dengan pelbagai kelompok masyarakat telah mewujudkan rasa empati yang amat tinggi di mana 80.6 peratus responden mengakui bahawa tugasan ini berjaya menghancurkan tembok prasangka dan stereotaip sosial yang mereka pegang sebelum ini. Apabila mahasiswa berpeluang mendengar sendiri keluh kesah dan melihat cabaran kehidupan masyarakat daripada latar belakang yang berbeza, mereka menjadi insan yang lebih bersyukur dan tidak mudah menghakimi orang lain. Pada masa yang sama, elemen penghargaan terhadap warisan budaya turut berjaya dipupuk dalam kalangan 69.6 peratus pelajar, terutamanya bagi kumpulan yang menjalankan kajian kebudayaan dan adat resam. Hal ini dapat disokong dengan refleksi seorang pelajar yang menegaskan bahawa kepentingan memelihara jati diri bangsa di tengah arus pemodenan adalah amat penting kerana budaya tersebut merupakan simbol kebijaksanaan tempatan yang membina karakter dan perpaduan masyarakat majmuk.

Secara keseluruhannya, perbincangan dapatan ini mengesahkan bahawa integrasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman berteraskan kerangka Kolb di dalam Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban bukan sahaja berjaya merapatkan jurang antara ilmu teori dan amalan praktikal, malah ia bertindak sebagai satu serampang dua mata yang amat berkesan. Pada satu sisi, pendekatan pedagogi ini melengkapkan mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan dengan pakej kompetensi insaniah seperti keberanian diri, kepimpinan, kemahiran komunikasi dan kecekapan teknologi yang menjadi prasyarat kepada pasaran kerjaya era moden. Pada sisi yang lain pula, ia menyuntik roh kemanusiaan, sifat ihsan, integriti dan keluhuran budi ke dalam sanubari pelajar. Pendekatan holistik yang dipacu oleh aktiviti pentaksiran berterusan ini sangat wajar dikekalkan dan diperluas penggunaannya bagi memastikan graduan yang dihasilkan bukan sahaja cemerlang daripada aspek kebolehan intelek, malah sarat dengan keutuhan nilai adab untuk membina kesejahteraan peradaban negara pada masa hadapan.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBP) merupakan pendekatan pedagogi yang berkesan dalam membentuk kompetensi dan nilai mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan mahasiswa dalam aktiviti pembelajaran yang berasaskan pengalaman sebenar berjaya meningkatkan pelbagai kemahiran insaniah yang diperlukan dalam dunia pekerjaan dan kehidupan bermasyarakat, termasuk kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja

ISBN:2637-126X

berpasukan, pengurusan masa, penyelesaian masalah, pemikiran kritis serta kemahiran digital. Pada masa yang sama, pendekatan ini turut menyumbang kepada pembentukan nilai-nilai murni seperti integriti, tanggungjawab sosial, empati, hormat-menghormati, toleransi dan kesedaran terhadap kepentingan hidup bermasyarakat. Berdasarkan analisis yang dilakukan menggunakan Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb (1984), didapati bahawa proses pembelajaran yang dilalui oleh mahasiswa memenuhi keseluruhan kitaran pembelajaran yang dicadangkan oleh teori tersebut. Mahasiswa memperoleh pengalaman secara langsung melalui aktiviti lapangan dan projek yang dijalankan, seterusnya melakukan refleksi terhadap pengalaman tersebut sebelum membentuk kefahaman baharu dan mengaplikasikannya dalam situasi yang lain. Proses ini membuktikan bahawa pembelajaran yang berkesan tidak hanya berlaku melalui pemerolehan ilmu secara teori, tetapi turut memerlukan penglibatan aktif, refleksi kendiri dan aplikasi pengalaman dalam konteks kehidupan sebenar. Pembelajaran Berasaskan Pengalaman bukan sahaja berfungsi sebagai pendekatan pembelajaran yang memperkukuh penguasaan ilmu pengetahuan, malah berperanan sebagai wahana penting dalam membentuk modal insan yang holistik, berintegriti dan mempunyai jati diri yang kukuh. Oleh itu, pendekatan ini perlu terus diperkasakan dan diperluaskan pelaksanaannya di institusi pengajian tinggi bagi memastikan graduan yang dilahirkan bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik, tetapi juga memiliki kompetensi dan nilai yang diperlukan untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat, negara dan peradaban manusia sejagat.

RUJUKAN

Abd Kadir, E. (2026). *Evaluating the effectiveness of the SULAM program in developing students' soft skills using structured e-forms*. Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning, 16(1), 55–69.

Agudelo, J.F. & Vasco, A.M.M. (2019). Project-based learning as a catalyst for students and teacher autonomy development: the experience in a state school in Nilo, Cundinamarca. *GIST – Education and Learning Research Journal, 19*: 31- 48.

Agudelo, O. L., & Vasco, C. E. (2019). Experiential learning and self-development in higher education. *International Journal of Educational Research*, *95*, 27–36.

Almulla, M.A. (2020). The effectiveness of the project-based learning (PBL) approach as a way to engage students in learning. *SAGE Open, 10*(3): 1-15.

Alwi, N.M., Isa, K.M., Abidin, N.H.Z., Yussof, S.H. & Bakar, I.S.A. (2020). Graduate employability among low academic achievers. *New Educational Review, 62*: 46–56.

Darus, F. M. (2023). Pembentukan kemahiran insaniah melalui kursus Service Learning Malaysia University for Society (SULAM) di Universiti Teknologi MARA. *Jurnal Pendidikan Malaysia, 48*(2), 45–58.

Elfis Suanto, Effandi Zakaria & Siti Mistima Maat. (2019). Impak pendekatan pembelajaran pengalaman terhadap kemahiran berfikir aras tinggi topik bongkah geometri tiga dimensi. *Jurnal Pendidikan Malaysia. 44*(1): 121-134.

Hoover, J.D. (1974). Experiential learning: Conceptualization and definition. Simulations, games and experiential learning techniques. *The Association for Business Simulation and Experiential Learning (ABSEL). 1*: 31-35.

Hussain Othman, Berhannudin Mohd Salleh, Syed Muhammad Dawilah al-Edrus & Abdullah Sulaiman. (2018). Pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman (PBL dan POPBL) bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Dlm. Dora M.T. (Pnyt.) Prosiding Seminar Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial. hlm. 107-118.

ISBN:2637-126X

Hussain Othman, Mohd Fauzi Kamarudin, & Noor Azlinna Azizan. (2018). Kebolehpasaran graduan dan kompetensi yang diperlukan oleh industri. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, *43*(1), 23–34.

Jamil, N., Laipan, R. A., Nasah, C. R. J., & Abd Rahim, F. (2026). Transformative role of SULAM in advancing sustainability and MADANI values in Malaysian higher education. *Discover Education*.

Jamil, N., Laipan, R. A., Nasah, C. R. J., & Abd Rahim, F. (2026). Transformative role of SULAM in advancing sustainability and MADANI values in Malaysian higher education. *Discover Education, 5*(1), 1–15.

Johnson, J.L., Khan, A. & Saeed, K. (2020). Learning styles inventory and experiential learning theories an integrative review of literature. *Pakistan Journal of Society, Education and Language. 6*(1): 1–12.

Kolb, D. A. (1984). *Experiential Learning: Experience as the Source of Learning and Development*. New Jersey: Prentice Hall.

Kumar, S. & Bhandarker, A. (2019). Experiential Learning and its Efficacy in Management Education. *PURUSHARTHA-A Journal of Management, Ethics and Spirituality.13*(1): 35- 55.

Kunasegaran, M., Abdul Wahat, N. W., Md Rami, A. A., & Kunjiapu, S. (2026). Integrating Generative Artificial Intelligence, Experiential Teaching, and Learning in Higher Learning: Performance Management Course. *Journal of Public Administration and Governance, 16*(1), 42.

Md Fauzi Ahmad & Abdul Talib Bon. (2024). Graduan perlu lebih kompetitif hadapi cabaran alam pekerjaan. https://news. uthm.edu.my/ms/2024/01/graduan-perlu-lebih kompetitifhadapi-cabaran-alam-pekerjaan/ [20 Mei 2026].

Md Sari, N. A., & Norasikin, S. N. A. (2025). Enhancing Experiential Learning Through Service Learning in Malaysian Higher Education. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*.

Nor Khayati Basir, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. (2017). Sikap dalam pendekatan pembelajaran berasaskan projek terhadap pencapaian pelajar politeknik di Negeri Perak. *Tinta Artikulasi Membina Ummah. 3*(1): 1–14.

Nur Sheilla Saida Abdullah & Zuber Abd Majid. (2022). Kebolehpasaran Modal Insan Lepasan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia: Isu dan Strategi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH). 7*(8): 1-10.

Nur Sheilla Saida Abdullah, & Zuber Abd. Majid. (2022). Modal insan dan kebolehpasaran graduan universiti di Malaysia. *Jurnal Pengajian Malaysia*, *40*(2), 65–82.

Rahim, N. S., & Mohamad, M. M. (2025). Pembelajaran Berasaskan Pengalaman melalui Latihan Industri dalam Bidang Pembinaan. *Research and Innovation in Technical and Vocational Education and Training*, *5*(2), 1–13.

Sh Said, S. A. A., & Mohd Yussof, F. N. (2023). *Experiential Learning of Using Digital Tools in Construction Management Education*. *Online Journal for TVET Practitioners, 8*(3), 23–30. https://doi.org/10.30880/ojtp.2023.08.03.003

Wahab, M. Z. H. (2024). Evaluating the impact of Service-Learning Malaysia–University for Society (SULAM) on student learning and community engagement. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 13*(2), 102 118.

ISBN:2637-126X

Wahab, M. Z. H., Che Sobry, S., Mohd Saufi, M. S. A., & Hanafi, A. H. A. (2025). Enhancing experiential learning through Service Learning Malaysia–University for Society (SULAM): Assessing its effectiveness, knowledge transfer and communities satisfaction in achieving quality education. *International Journal of Education, Psychology and Counseling, 10*(52), 421–436.

Wifqi Rahmi. (2024). Analytical study of experiential learning: Experiential learning theory in learning activities. *EDUKASIA: Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran. 5*(2): 115-126.

Wetzel, E.M. & Farrow, C.B. (2021). An active learning classroom in construction management education: Student perceptions of engagement and learning. *International Journal of Construction Education and Research. 17*(4): 299-317.

Yong, B. P. P., & Ling, Y.-L. (2023). *Skills Gap: The Perceptions of Importance of Soft Skills in Graduate Employability Between Employers and Graduates*. *Journal of Techno-Social, 15*(1), 16–33.

Zuber, M. & Hussin Muhammad. (2015). Kebolehpasaran dan pengangguran graduan lepasan institusi pengajian tinggi. International Conference on Global Education III. Human Resources Development Towards Global Economy: 351–363.